

FEA Working Paper No. 2003-1

**AFTA, ASEAN-CINA FTA
DAN
EKONOMI MALAYSIA**

Mohamed Aslam

Department of Applied Economics
Faculty of Economics & Administration
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA

email: maslam@um.edu.my

February 2003

All Working Papers are preliminary materials circulated to promote discussion and comment. References in publications to Working Papers should be cleared with the author to protect the tentative nature of these papers.

AFTA, ASEAN-CINA FTA DAN EKONOMI MALAYSIA

Mohamed Aslam

Pengenalan

Globalisasi yang hangat diperbincangkan dan dikaji sejak tahun 1990an tidak mampu memberi petunjuk pembangunan ekonomi yang seimbang di antara negara maju dan membangun. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan di peringkat antarabangsa melalui perbincangan perdagangan pelbagai hala di bawah naungan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), namun ianya masih gagal mengujudkan persefahaman dalam hal-ehwal ekonomi di antara kedua-dua belah pihak (negara maju dan membangun). Pada peringkat negara, kerajaan sesebuah negara tidak mampu merangka perancangan ekonomi yang menjurus ke arah globalisasi, malahan polisi ekonomi yang digubal adalah untuk mengawal impak dari globalisasi terhadap ekonomi.

Umumnya globalisasi dikaitkan dengan kebebasan berdagang di pasaran antarabangsa, malangnya globalisasi gagal menjanjikan perdagangan bebas. Sehingga kini tiadanya satu pun perdagangan bebas malahan perdagangan adil (*fair trade*) juga belum ujud lagi¹. Negara-maju masih lagi mengamal perlindungan perdagangan dengan mengenakan halangan-halangan bukan berbentuk tariff seperti duti anti lambakan, duti timbal-balas, “voluntary export restraint (VER)”, peraturan keselamatan dan kesihatan, duti Super 301 (Amerika Syarikat) dan sebagainya. Salah satu kesan utama dari penglobalan ekonomi antarabangsa ialah pemecahan dunia atau negara bangsa kepada blok-blok perdagangan bebas². Sejak tahun 1990 pelbagai blok-blok perdagangan ekonomi di antara negara maju dan membangun, dan dikalangan negara-negara membangun telah diujudkan seperti Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Kesatuan Eropah, AFTA, ANDEAN PACT, MERCUSOR, CARICOM dan sebagainya. Pembentukan blok-blok perdagangan bukan sahaja telah mengujudkan persaingan serta

¹ Perdagangan bebas atau perdagangan adil hanya benar dalam buku teks ekonomi antarabangsa dan kertas-kerja sahaja tidak dalam realiti.

² Blok perdagangan bebas tidak semestinya merujuk kepada pergerakan bebas barangan antara negara-negara dalam sesebuah blok perdagangan. Umumnya penubuhan blok-blok perdagangan berkait dengan pemotongan kadar tariff untuk sejumlah produk, pemansuhan kadar tariff untuk sekumpulan produk dan pengliberalan halangan pelaburan asing.

meningkatkan di antara negara-negara anggota dalam blok tersebut tetapi telah meninggikan kadar persaingan di antara blok-blok perdagangan.

Di kalangan negara-negara Asia Timur (termasuk Asia Tenggara) hanya ada satu sahaja blok kawasan perdagangan bebas iaitu Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang telah ditubuhkan pada tahun 1992. Dalam tahun 1990 ada usaha untuk mengujudkan kerjasama ekonomi serantau di Asia Timur dengan menubuhkan Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang merangkumi negara-negara ASEAN, Negara Cina, Korea Selatan dan Jepun. Bagaimanapun cadangan ini telah dipatahkan oleh kuasa barat. Kegagalan untuk menubuhkan EAEG tidak mematahkan semangat negara-negara ASEAN. Malahan ada di kalangan negara-negara berkenaan berusaha dan mempromosi untuk mengujudkan sebuah pakatan ekonomi di Asia Timur. Akhirnya dalam tahun 1999 di persidangan peringkat menteri Asean di Manila kata sepakat telah dicapai di antara negara-negara ASEAN, negara Cina, Korea Selatan dan Jepun untuk membangunkan EAEG atau ASEAN + 3. Keghairahan untuk menubuhkan EAEG pertamanya disebabkan dari kemungkinan kesan-kesan ekonomi negatif yang akan diterima oleh negara-negara ASEAN terutamanya dari perkembangan pesat ekonomi negara Cina. Perkembangan pesat ekonomi negara Cina ini secara tidak langsungnya telah pun mengujudkan pengherotan perdagangan dan penyimpangan pelaburan asing di rantau ASEAN terutamanya sejak tahun 1997. Keduanya pembukaan ekonomi negara Cina kepada ekonomi antarabangsa dan kembalinya negara Cina dalam Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa juga telah amat mengusarkan atau merisaukan pemimpin-pemimpin negara-negara pertubuhan ASEAN mengenai masa hadapan ekonomi negara-negara mereka. Walaupun terdapatnya kemungkinan tinggi akan menghadapi implikasi negatif dari perkembangan ekonomi negara Cina, kerjasama di antara ASEAN dan negara Cina tetap diteruskan, dan pada 4 November 2002 di Phnom Penh ASEAN dan Cina telah mementerai perjanjian penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Cina.

Sebarang rancangan penubuhan kerjasama ekonomi di rantau Asia Timur yang melibatkan Malaysia sudah semestinya akan memberi implikasi terhadap ekonomi negara-negara yang menyertainya dan Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini. Implikasi utama adalah dari segi perdagangan antarabangsa dan pelaburan asing.

Pergantungan ekonomi negara Malaysia adalah amat besar ke atas sektor antarabangsa iaitu perdagangan dan modal asing. Sebarang persaingan dalam ekonomi dunia samada dari segi harga, produk dan modal asing akan mendatangkan kesan ke atas ekonomi Malaysia. Pergantungan ke atas ekonomi antarabangsa bukan sahaja berkait dengan pertumbuhan eksport, pengumpulan rizab antarabangsa, pertumbuhan KDNK tetapi juga berkait dengan agihan pendapatan (gunatenaga). Oleh itu dasar-dasar ekonomi negara pada masa kini melibatkan faktor-faktor di atas agar mampu menangani impak kesan perkembangan ekonomi dalaman-luaran negara Cina terutamanya.

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Demi meningkatkan pertumbuhan perdagangan khususnya dan pertumbuhan ekonomi amnya, Malaysia aktif memperluaskan pasaran barangannya di luar negeri. Setakat ini sudah ada lebih 40 perjanjian dua hala yang telah ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara asing, terutamanya di kalangan negara membangun dari Benua Afrika, Asia-Pasifik dan Ocenia, Negara-negara Eropah Timur dan Amerika Selatan. Malaysia turut bergiat dalam kerjasama ekonomi serantau dengan melibatkan diri dalam gagasan ekonomi terutamanya ASEAN dan APEC. ASEAN amnya dan Malaysia khususnya berusaha untuk merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA). Malaysia juga bergiat aktif dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) walaupun APEC sehingga kini hanya lebih kepada rundingan dari implementasi. APEC akan dibincangkan dengan ringkas dalam bahagian berikutnya.

Sejak penubuhannya, ASEAN pada hakikatnya telah pun berjaya mengalakkan kestabilan politik di kalangan negara-negara anggotanya. Bagaimanapun, kerjasama negara anggota ASEAN dalam bidang ekonomi masih rendah. Untuk mengalakkan perdagangan ASEAN telah memperkenalkan Skim Keutamaan Perdagangan (*Preferential Trading Arrangement-PTA*). Perjanjian PTA telah ditandatangani pada tahun 1977 dan pelaksanaan skim tersebut pula dalam tahun 1978. PTA adalah salah satu jenis bentuk blok perdagangan tetapi dalam "ikatan yang longgar". PTA hanya melibatkan pemotongan tariff untuk produk-produk yang dipersetujui oleh negara-negara anggota PTA. Skim PTA hanya melibatkan produk yang dikeluarkan oleh negara anggota ASEAN sahaja (pengurangan atau

pengecualian tariff adalah berasaskan “*rule-of-origin*”. Skim PTA ASEAN merangkumi pemotongan atau pengurangan kadar tarif (cukai import) antara 10 - 50 peratus, juga pengecualian langsung duti import diberikan untuk produk-produk yang dipersetujui oleh negara-negara berkenaan.

Bagaimanapun kerjasama dari segi meningkatkan perdagangan dalam ASEAN masih tidak membanggakan walaupun adanya skim PTA. Ini dapat dilihat dengan pertumbuhan intra-perdagangan. Jumlah keseluruhan perdagangan ASEAN semasa berada dalam PTA adalah sebanyak 20 peratus pada tahun 1991 iaitu masih hampir sama dengan nisbah dagangan pada tahun 1970 (Mohamed Aslam, 1996). Kebanyakan perdagangan antarabangsa negara-negara anggota ASEAN lebih bertumpu di pasaran negara maju yang lebih menguntungkan seperti negara Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah. Kegagalan PTA juga disebabkan oleh liputan barangan untuk pengurangan atau pengecualian tariff adalah dari kategori (atau jenis-jenis) produk yang tidak dikeluarkan oleh negara-negara anggota. Sebahagian besar dari produk yang dikeluarkan oleh negara- anggota ASEAN masih dikenakan kadar tarif yang tinggi sebab untuk melindungi industri tempatan. Ini secara tidak langsungnya telah menghalang kejayaan program liberalisasi perdagangan dalam rantau ASEAN.

Memandangkan ekonomi dunia telah mula berpecah dengan penubuhan pelbagai pakatan kerjasama ekonomi atau blok-blok perdagangan maka pada tahun 1992 ASEAN telah merombak skim PTA dan telah mengambil inisiatif baru dengan mewujudkan sebuah kawasan perdagangan bebas di rantau ini iaitu AFTA. Untuk merealisasikan AFTA Tarif Keutamaan Berkesan Am (*Common Effective Preferential Tariff- CEPT*) telah diperkenalkan. CEPT adalah sebagai langkah permulaan dan sebagai suatu proses untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 2008. Bagaimanapun, jangkamasa penubuhan AFTA telah dipendekkan atau dipercepatkan dari tahun 2008 kepada tahun 2003. Percepatan ini berdasarkan kemungkinan impak, pertamanya dari Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) Pusingan Uruguay yang telah dimenterai pada bulan April 1994 di Marrakesh, keduanya perbincangan mengenai penubuhan APEC sebagai kawasan perdagangan bebas pada tahun 2010/20, dan ketiganya untuk menyaingi Kesatuan Eropah.

Majlis AFTA telah bersetuju untuk melaksanakan pemotongan kadar tarif yang baru dan menyingkirkan halangan bukan tarif untuk mempercepatkan program liberalisasi perdagangan. Pada tahun 2000, 85 peratus dari produk dibawah "*Inclusion List*" (IL) tariffnya telah dikurangkan dan kadarnya adalah di antara 0-5%, jumlah produk dalam senarai tersebut telah dinaikkan kepada 90 peratus dalam tahun 2001. Kadar purata CEPT untuk semua ahli ASEAN telah jatuh dari 4.43 peratus dalam tahun 2000 kepada 3.96 peratus dalam tahun 2001 (Yip, 2001). Dalam tahun 2003, dijangkakan 96 peratus daripada semua jenis barangan keluaran ASEAN akan dikurangkan kadar tariffnya lagi (juga antara 0-5 peratus), dan kadar tariff purata untuk 6 buah negara ASEAN utama (Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) dijangkakan pada kadar 2.38 peratus.

Sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN, Malaysia telah memberi komitmennya merealisasikan AFTA. Malaysia telah menawarkan pemotongan atau penghapusan kadar tarif ke atas 8,840 unit (produk atau "tariff line"), dan jumlah barangan yang tidak dikurangkan tariff adalah 1,860 unit. Pecahan tawaran pemotongan tariffs, sebanyak 5,344 unit dikenakan kadar tarif kurang daripada 5 peratus, 4,222 unit kadar tarif di antara 5-20 peratus, 1,020 unit dikenakan kadar tarif yang melebihi 20 peratus dan 745 unit dikenakan dengan kadar tarif spesifik.

Kesan langsung daripada penubuhan AFTA, perdagangan intra-ASEAN diperkembangkan. Jumlah perdagangan antara negara ASEAN telah meningkat sebanyak RM80.9 billion pada tahun 1993. Jumlah perdagangan tersebut telah melebihi dari RM220 billion pada tahun 2001 iaitu lebih kurang 25 peratus dari jumlah perdagangan ASEAN. Pada asasnya, CEPT telah berjaya meningkatkan perdagangan intra-ASEAN berbanding semasa di bawah PTA. Kenaikan ini pertamanya disebabkan oleh perluasan liputan produk yang dikeluarkan oleh negara-negara anggota iaitu jumlah barang dalam senarai IL. Keduanya, kenaikan tersebut juga berpunca dari kemasukan besar pelaburan langsung asing (FDI) terutamanya dari negara Jepun sejak tahun 1986. Firma-firma Jepun telah mengujudkan rangkaian pengeluaran (*network production*) di rantau ASEAN. Hal ini adalah amat jelas sekali dalam industri automobil. Walaupun perdagangan intra-ASEAN telah meningkat sebanyak 25 peratus tetapi ianya masih rendah berbanding dengan Kesatuan Eropah yang mana intra-perdagangannya ialah 40 peratus.

Bagaimanapun, kadar intra-perdagangan ASEAN lebih tinggi berbanding dengan Kesatuan Matawang Caribbean Timur (10%), Kesatuan Matawang dan Ekonomi Afrika Barat (10 peratus) dan Kesatuan Matawang dan Ekonomi Afrika Tengah (3 peratus). Juga kadar intra-perdagangan ASEAN lebih tinggi berbanding dengan di blok-blok perdagangan di Amerika Selatan (Amerika Latin) (20%).

AFTA sebenarnya ditubuhkan berpunca dari ketidakpastian masa depan ekonomi dunia pada awal tahun 1990an. Ketidakpastian ini berdasarkan masalah dalam rundingan pelbagai hala Pusingan Uruguay (perbalahan di antara negara maju dengan negara membangun)³, pengujudan Kesatuan Eropah dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA). Ekonomi dunia pula diambang dikuasai oleh 3 bipolar iaitu Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Oleh itu AFTA dilihat sebagai satu 'skim insuran' dalam konteks ini. Penubuhan AFTA adalah penting untuk pertumbuhan dan kemakmuran negara-negara ASEAN itu sendiri. Kesatuan ekonomi bersaiz besar akan menguatkan suara di peringkat antarabangsa. Syarat ini dipenuhi oleh Kesatuan Eropah (EU) yang terdiri daripada gabungan 12 buah negara Komuniti Eropah (EC) dan 6 buah negara kawasan perdagangan bebas Eropah (EFTA), yang telah muncul sebagai sebuah pasaran tunggal yang terbesar di dunia dan mewakili 44 peratus daripada perdagangan dunia. Gabungan KDNK Kesatuan Eropah (EU) melebihi AS\$30 bilion dengan jumlah penduduk 370 juta. Walaupun AFTA adalah sebuah kesatuan ekonomi yang kecil dari segi saiz berbanding dengan EU [juga NAFTA], tetapi ia mampu bersaing dengan EU dari segi KDNK dan penduduk. Ini mampu memberi kuasa kepadanya untuk menyuarakan pendapat mengenai hal-ehwal (ekonomi) dunia. Rantau ini merupakan salah sebuah kawasan pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan paling pesat membangun di dunia oleh itu suaranya dari segi polisi dan kerjasama ekonomi di peringkat antarabangsa mungkin diambil kira oleh negara-negara maju atau rakan-rakan dagangan utama mereka.

³ Sebelum perjanjian Uruguay dimeterai pada tahun 1994, negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat hendak memasukan "clause" menghubungkan perdagangan antarabangsa dengan alam sekitar dan standard buruh, manakala negara EU hendak memperluaskan TRIM (*trade related investment measure*) kepada MIA (*multilateral investment agreement*). Perbalahan juga berkait dengan subsidi pertanian, perjanjian untuk keluaran pertanian dan tekstil.

Walaupun AFTA menjanjikan saiz pasaran yang berjumlah melebihi 530 juta orang dan jumlah KDNK AS\$750 billion, AFTA masih menghadapi kesukaran dari segi perancangan AFTA itu sendiri. Ini disebabkan komitmen oleh negara-negara anggota masih belum cukup dan kukuh. Juga sebahagian dari anggota ASEAN masih ingin melewati pemotongan kadar tarif berdasarkan faktor masih belum bersedia. Negara-negara anggota masih ingin melindungi sebahagian industri yang dianggap kritikal, mereka amat kluatir akan menghadapi masalah perkembangan jika dibuka untuk persaingan kepada pihak asing yang mana industri-industri di negara pesaing lebih kompetitif. Industri-industri yang dianggap "sensitif" masih dilindungi oleh negara-negara ASEAN. Kebanyakan negara anggota bimbang dengan tekanan globalisasi melalui pasaran bebas.

Perkara utama lain berkaitan dengan AFTA ialah keraguan anggota ASEAN itu sendiri terhadap AFTA. Keraguan ini berkaitan dengan unjuran kejayaan AFTA dari segi meningkatkan pertumbuhan perdagangan dan kemasukan FDI. Oleh itu ada dikalangan negara anggota berunding dan menandatangani perjanjian perdagangan bebas dua-hala (*bilateral free trade area*) dengan negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat, Jepun, Australia-New Zealand. Singapura telah pun menandatangani FTA dengan New Zealand dalam November 2000, dengan Amerika Syarikat dalam tahun 2001, Jepun dalam bulan Januari 2002, Australia dalam November 2002 dan perjanjian FTA dengan Kanada, Mexico, Chile dan India sedang diusahakan. Thailand pula berusaha untuk menjalinkan FTA dengan Afrika Selatan, Australia, New Zealand, Russia, India, Mexico, Brazil, Croatia, and Republik Czech (Buszynski, 2001). Malaysia pula tidak mahu ketinggalan dengan fenomena menandatangani FTA, dan juga tidak mahu mengalami "kerugian" dari globalisasi. Malaysia telah berunding dengan Jepun dan kemungkinan perjanjian FTA dengan Jepun akan ditandatangani dalam tahun 2004.

Umumnya perjanjian dua hala FTA dilakukan oleh Singapura terutamanya, pertamanya adalah untuk memberi tekanan ke atas negara anggota ASEAN terutamanya kepada negara-negara anggota yang agak enggan meliberalkan perdagangan sepenuhnya. Sebab kedua Singapura menjalin hubungan perdagangan dengan negara-negara diluar ASEAN melalui FTA disebabkan masalah perkembangan sektor eksport yang lembap berpunca dari krisis ekonomi

Asia Tenggara-Timur (SEA) yang telah melanda di rantau ini sejak Julai 1997. Ketiganya, mengenai kejatuhan industri pengeluaran barangan perkilangan dan kejatuhan kebolehsaingan eksport berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara Cina. Kepsatan pembangunan ekonomi di Negara Cina ini amat membimbangkan negara-negara ASEAN. Kepsatan perkembangan ekonomi di negara Cina berasas dari polisi “buka pintu”- nya, pengliberalan ekonomi extensif yang dijalankan sejak dibawah pimpinan Deng Xiaoping dan penyertaan negara Cina dalam WTO. Polisi liberalisasi di negara ini menjadi lebih agresif dibawah pemerintahan Jiang Zemin dengan Perdana Menterinya Zho Rongji. Dibawah pentadbiran Zho Rongji yang menggunakan pendekatan “*managed marketization*” telah meluaskan program reformasi dalam sektor kewangan, industri, perdagangan, pertanian dan polisi penswastan perusahaan awam telah dipertingkatkan. Hasilnya, pertumbuhan KDNK benar negara tersebut telah melebihi 8 peratus sejak tahun 1996 sehingga kini, manakala akuan semasa imbangan pembayaran sentiasa mengalami surplus dan pengumpulan rizab antarabangsa pula telah melebihi AS\$200 billion.

ASEAN-China FTA

Sebelum membincangkan ASEAN-China FTA adalah lebih baik melihat dulu kerjasama ekonomi APEC dan cadangan penubuhan kawasan perdagangan bebas ASEAN + 3 yang merangkumi ASEAN, Cina, Korea Selatan dan Jepun.

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)

Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) telah ditubuhkan pada tahun 1989. Persidangan APEC telah diadakan sebanyak tiga belas kali dan terakhirnya adalah di Los Cabos, Mexico, Oktober 2002. Kesatuan ini dianggotai oleh 21 buah negara, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun, Negeri Cina, Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong, Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Mexico, Papua New Guinea, Chile, Peru, Vietnam dan Rusia.

APEC pada ketika ini lebih merupakan satu gagasan ‘berikatan longgar’ yang menekankan keharmonian perdagangan berdasarkan rundingan. Aktiviti APEC

terutamanya berkait dengan kerjasama perdagangan dan pelaburan. Anggota APEC menganggap kerjasama seumpama ini adalah penting untuk menjamin pertumbuhan membanggakan dalam sektor-sektor tersebut. Untuk maksud itu, anggota APEC telah bersetuju menurunkan duti import serta halangan perdagangan bukan tarif. Malaysia, sebagai contohnya telah bersetuju untuk menawarkan potongan tarif atau duti import dalam lapan sektor. Pengliberalan tariff itu akan menjanjikan pertambahan perdagangan sebanyak AS\$250 bilion setahun kepada Malaysia. Di samping itu ahli APEC telah bersetuju dengan penubuhan Forum Perniagaan Pasifik. Forum ini diperlukan agar ia dapat mengenalpasti isu-isu serta memberi kemudahan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara anggota serta menggalakkan pertalian perniagaan yang lebih erat antara negara anggota.

Setelah tigabelas tahun berlalu, tujuan APEC untuk mempercepatkan liberalisasi perdagangan di rantau Asia- Pasifik masih belum tercapai. Impian APEC untuk mengujudkan satu Gagasan Perdagangan Bebas masih jauh lagi. Ini kerana kebanyakan dari negara anggota APEC masih mempunyai industri baru (*infant industry*) yang mana pembangunan dan “nyawa” industri-industri berkenaan bergantung ke atas perlindungan tariff oleh kerajaan seperti dalam kes negara Malaysia, Filipina, Thailand, Cina⁴, Vietnam dan negara-negara membangun yang lain dalam APEC.. Dengan persetujuan di antara ASEAN dan tiga buah negara Asia Timur Utara iaitu Negara Cina, Jepun dan Korea Selatan untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur pada tahun 1999, ini telah secara tidak langsungnya “memecahkan” APEC dan seterusnya “menenggelamkan” inisiatif APEC itu sendiri. Tambahan lagi, realiti APEC telah menjadi “kabur” dan “hambar” dengan penubuhan *Enterprise for ASEAN Initiative* (EAI) oleh kerajaan Amerika Syarikat pada Oktober 2002, ini kerana EAI bercadang untuk menjalinkan hubungan perdagangan bebas dua hala (FTA) dengan ASEAN.

Kerjasama Ekonomi Asia Timur (ASEAN + 3)

⁴ Dalam kes negara Cina halangan perdagangan masih teguh (protective), kadar tarif puratanya ialah 30 peratus

Sebelum krisis ekonomi Julai 1997 dan sejak selepas zaman Perang Dunia Kedua, kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara di Asia Timur lebih berbentuk pelbagai hala (multilateral). Malahan pertumbuhan pesat ekonomi dan pembangunan ekonomi boleh dikatakan sehubungan dengan polisi pelbagai hala tersebut. Ini berbeza dengan negara-negara Amerika Syarikat dan Eropah yang telah menubuhkan pelbagai kerjasama ekonomi samada sebagai kawasan perdagangan bebas atau menandatangani perjanjian perdagangan bebas dua-hala.

Di kalangan negara Asia Timur, hanya kumpulan negara Asia Tenggara sahaja yang aktif dalam kerjasama ekonomi mahupun politik. Negara-negara berkenaan telah menubuhkan ASEAN dalam tahun 1970an dan juga telah melancarkan kawasan perdagangan bebas AFTA dalam tahun 1992. Manakala di kalangan negara Asia Timur Utara, boleh dikatakan negara-negara tersebut tidak terlibat atau menandatangani perjanjian perdagangan bebas dua-hala atau menubuhkan kawasan perdagangan bebas. Walaupun ada cadangan dari negara-negara ASEAN untuk membangunkan sebuah kumpulan kerjasama ekonomi, idea tersebut telah dipandang ringan atau kerajaan negara-negara berkenaan tidak berminat dengan idea cadangan penubuhan kumpulan kerjasama ekonomi. Tetapi sejak krisis ekonomi melanda dalam tahun 1997, haluan negara-negara Asia Timur Utara telah berubah. Sejak itu negara-negara tersebut telah mulai terbuka dalam perkara kerjasama ekonomi. Negara Jepun sebagai sebuah kuasa ekonomi kedua dunia, kalau dahulunya enggan terlibat dalam kerjasama ekonomi atau menubuhkan kawasan perdagangan bebas ketika ini pula ia amat berminat dan bergiat cergas berunding dengan negara-negara Singapura, Korea Selatan, Chile, Mexico, Kanada, Australia, New Zealand, Switzerland, Taiwan dan Thailand untuk mengujudkan kawasan perdagangan bebas dua-hala (FTA). Setakat ini Jepun telah menandatangani perjanjian FTA dengan Singapura. Korea Selatan juga berminat dalam hal FTA dan sedang berunding dengan negara-negara Chile, Jepun, New Zealand, Mexico dan Thailand kemungkinan untuk menubuhkan FTA. Bab ini tidak akan membincangkan mengenai perjanjian FTA yang diusahakan oleh negara-negara berkenaan. Bab ini lebih condong kepada perkara mengenai kerjasama ekonomi antara negara ASEAN dengan negara Utara Asia Timur iaitu negara Cina, Jepun dan Korea Selatan.

Kerjasama ekonomi di antara ASEAN dengan negara-negara Asia Timur Utara telah pun ujud sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Bagaimanapun kerjasama tersebut terhad kepada perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Tiadanya kerjasama meningkatkan perdagangan melalui perdagangan bebas (FTA). Walaupun adanya rundingan dua-hala mengenai hal-hal berkaitan perdagangan dan pelaburan tetapi habis di meja bulat sahaja. Sejak krisis matawang-kewangan yang melanda ekonomi sebahagian dari negara-negara Asia Timur pada Julai 1997 yang mana telah mengakibatkan kemerosotan ekonomi di negara-negara tersebut telah memberi rangsangan baru untuk membangunkan kerjasama ekonomi yang lebih erat dalam rantau Asia Timur. Semangat untuk untuk mengujudkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara Asia Timur telah mulai bertambah. Pada persidangan peringkat menteri ASEAN di Kuala Lumpur dalam tahun 1997 sekali lagi Datuk Seri Dr Mahathir telah menyuarakan pendapatnya agar negara-negara Asia Timur iaitu ASEAN dan negara Asia Timur Utara iaitu negara Cina, Korea Selatan dan Jepun bekerjasama dan membentuk sebuah gagasan ekonomi Asia Timur. Pada prinsip delegasi-delegasi dari negara ASEAN dan negara Asia Timur Utara telah bersetuju dengan pandangan Dr. Mahathir kali ini untuk membentuk suatu gagasan ekonomi. Yang berbeza antara tahun 1997 dengan tahun 1990 (lihat perenggan berikutnya), ialah sejak tahun 1997 semangat di kalangan negara-negara Asia Timur untuk membentuk gagasan adalah lebih tinggi dan kerajaan negara-negara berkenaan amat komited untuk merealisasikan penubuhan Kumpulan Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEG atau ASEAN + 3). Pada persidangan peringkat menteri di Manila tahun 1999, kata sepakat telah dicapai untuk menubuhkan ASEAN + 3 iaitu kerjasama ekonomi antara ASEAN, negara Cina, Korea Selatan dan Jepun. Klimaks penubuhan ASEAN + 3 adalah dengan pemeteraian perjanjian FTA antara ASEAN dengan Negara Cina pada 4 November 2002 di Phnom Penh.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, idea penubuhan kerjasama ekonomi Asia Timur yang melibatkan Asia Timur dengan ASEAN bukanlah perkara baru. Sebenarnya idea penubuhan kerjasama ekonomi iaitu EAEG telah dicadangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam bulan Disember, 1990. Rasional penubuhan EAEG pada ketika itu adalah untuk

mempengaruhi dan mengukuhkan kedudukan atau suara negara-negara membangun terutamanya negara-negara Asia Timur dalam Rundingan Pusingan Uruguay dalam tahun 1993⁵. Keduanya untuk menyaingi penubuhan Kesatuan Eropah dan NAFTA.

Memandangkan idea kerjasama EAEG ini telah membelakangkan negara-negara industri barat terutama negara Amerika Syarikat, maka Amerika Syarikat dan diikuti oleh Australia dan New Zealand telah menyuarakan bantahan penubuhan EAEG. Malahan rakan utama negara ASEAN Jepun juga telah menolak idea penubuhan. Jepun menolak penubuhan EAEG adalah disebabkan oleh tentangan dari Amerika Syarikat. Penolakan oleh negara Jepun sebahagian besarnya disebabkan oleh hubungan perdagangannya dengan Amerika Syarikat yang agak tegang sejak awal tahun 1990an. Untuk memastikan tiadanya tindakan drastik pengenaan halangan bukan berbentuk tarif oleh kerajaan Amerika Syarikat terhadap keluaran atau eksportnya, maka Jepun tidak menyokong penubuhan EAEG. Walaupun idea penubuhan EAEG telah diambilkira oleh ASEAN, tetapi rangkuman EAEG (tujuan penubuhan) digubal dan telah menjadikannya lebih sempit lagi, langsungnya nama EAEG telah ditukarkan kepada *East Asian Economic Caucus (EAEC)*⁶. Kita boleh andaikan cadangan penubuhan EAEG tahun 1990 telah “mati” begitu sahaja. Rasionalnya sebelum ekonomi Asia Timur merudum negara-negara anggota ASEAN lebih menumpukan AFTA dan negara lain pula terutamanya negara Jepun lebih mengutamakan APEC.

Bagaimanapun, sejak negara-negara tertentu Asia Timur terlibat dalam krisis matawang-kewangan tahun 1997, cadangan penubuhan EAEG telah muncul kembali. Kemunculan EAEG bermula dengan cadangan penubuhan Dana Matawang Asia (*Asia Monetary Fund, AMF*) oleh Jepun dalam tahun 1997 untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara yang terlibat. Kerajaan Jepun sanggup menyumbangkan dana sebanyak AS\$100 billion. Hong Kong, Taiwan dan Singapura telah menyatakan persetujuan menyertai AMF,

⁵ Perjanjian berbagai hala Rundingan Pusingan Uruguay telah dimeterai pada bulan April 1994 di Marrakesh, Tunisia.

⁶ Gagasan EAEC telah dicadangkan oleh Indonesia pada akhir tahun 1991 di Persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Kuala Lumpur.

malahan idea AMF ini mendapat reaksi positif dari negara-negara Asia yang lain (lihat Harvie dan Lee, 2002). Bagaimanapun, kerajaan Amerika Syarikat terutamanya dan Dana Matawang Antarabangsa (IMF) telah menyuarakan bangkangan yang keras dan sama sekali menolak idea penubuhan AMF tersebut⁷. Campurtangan negara barat ujud di negara-negara Asia Timur berpunca dari segi hubungan perdagangan barangan dan pelaburan yang erat antara negara-negara tersebut dengan Amerika Syarikat. Khuathir mengenai halangan perdagangan oleh kerajaan Amerika Syarikat menyebabkan sebahagian besar negara-negara Asia Timur akur dengan desakan negara kuasa tersebut. Penolakan tersebut mungkin akan menghakis campurtangan polisi dan ekonomi negara barat di negara-negara Asia Timur.

Walaupun idea EAEG tahun 1990 telah dipatahkan oleh Amerika Syarikat, tetapi inisiatif untuk penubuhan gagasan berkenaan masih diteruskan walaupun dalam kerangka yang sempit. Dalam bulan Disember 1995, negara-negara ASEAN tetap meneruskan penubuhan EAEC walaupun tanpa penyertaan negara Jepun, tetapi negara Cina telah menyatakan persetujuan untuk menyertainya. Persetujuan oleh kerajaan negara Cina untuk menyertai EAEC telah mengusarkan negara Jepun. Ini disebabkan negara Cina dikatakan yang telah kukuh dari segi kuasa politik dan ketenteraan dan bakal pula menjadi kuasa ekonomi di masa hadapan. Kegusaran negara Cina menguasai EAEC dan tidak mahu ketinggalan dalam arena politik regionalism, maka negara Jepun telah menyertainya walaupun ada bangkangan oleh Amerika Syarikat. Idea EAEG 1990 telah diteruskan dan ditengahkan semula, yang mana dalam tahun 1997 di Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Mahathir telah mencadangkan penubuhan forum ASEAN + 3 (APT) (Harvie dan Lee, 2002). Persidangan APT yang pertama telah diadakan dalam tahun 1997 itu juga. Sebenarnya, ASEAN + 3 ini akan merintah penubuhan kawasan perdagangan bebas

⁷ Kerajaan negara Cina pada asalnya telah menolak cadangan AMF, tetapi menyetujui penubuhan AMF tersebut kemudiannya. Disebabkan tentangan oleh Amerika Syarikat dan IMF, rancangan Jepun untuk membantu negara-negara Asia Timur yang dilanda krisis telah digantikan dengan Rancangan Miyazawa. Bagaimanapun, di kalangan anggota ASEAN dan negara-negara Asia Timur yang lain, idea AMF masih menarik (dan "hidup"). Hong Kong dan Filipina pula telah mencadangkan penubuhan Unit Matawang Asia (*Asian Currency Unit-ACU*), dan ada juga cadangan untuk menubuhkan *Asian Bank for Reconstruction and Development* dan *Asian BIS*. Cadangan-cadangan tersebut hanya di meja perbincangan. Ada satu perkara yang penting telah berlaku di rantau ini iaitu Inisiatif Chiang Mai yang diwujudkan pada Mei 2000. Inisiatif ini telah mengujudkan rangkaian pelarasan swap matawang (*currency swap arrangements*) (untuk detail lihat Manupipatpong, 2002). Perjanjian pelarasan swap matawang (PSM) tersebut telah ditandatangani dalam bulan November 2000 di Singapura. Sehingga kini perjanjian dua hala PSM telah ditandatangani antara Jepun-Malaysia, Jepun-Thailand dan Jepun-Korea Selatan.

Asia Timur walaupun untuk merealisasikannya masih jauh lagi. Tetapi yang pasti dari forum tersebut dan hasil perbincangan di Manila tahun 1999 ialah cadangan penubuhan kawasan perdagangan bebas ASEAN-Negara Cina. Pada 4 November 2002, di persidangan ke lapan APT di Phnom Penh, negara anggota ASEAN dan wakil kerajaan Negara Cina telah menandatangani rangkakerja penubuhan FTA ASEAN-Cina. Kesemua urusan mengenai penubuhan FTA tersebut harus selesai pada tahun 2012. Jika FTA ASEAN-Cina menjadi realiti ia akan menjadi sebuah kawasan perdagangan bebas yang terbesar didunia yang mana meliputi 1.7 billion penduduk, KDNK purata AS\$2 trillion dan jumlah perdagangan dua-hala AS\$1.23 trillion.

Pelupusan atau pengurangan halangan perdagangan di antara ASEAN dan Cina akan mengurangkan kos, meningkatkan perdagangan intra-serantau (negara) dan meningkatkan kecekapan ekonomi. FTA akan membawa kepada pengkhususan yang besar dalam pengeluaran yang mempunyai faedah berbanding. Penciptaan perdagangan berlaku apabila sebahagian pengeluaran domestik dalam sebuah anggota FTA digantikan dengan kos import yang lebih rendah daripada negara lain. Ini akan meningkatkan pendapatan benar dalam kedua-dua rantau sebab sumber-sumber bergerak dari satu sektor yang mana boleh menjadi lebih efisien dan digunakan secara produktif. Dianggarkan ASEAN-Cina FTA akan meningkatkan eksport ASEAN ke Cina sebanyak 48% dan eksport Cina ke ASEAN sebanyak 55.1%. FTA akan meningkatkan KDNK ASEAN sebanyak 0.9% bersamaan AS\$5.4 billion manakala KDNK Cina pula akan berkembang pada kadar 0.3% atau AS\$2.2 billion. Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Cina dalam jangkamasa 10 tahun semestinya akan memberi kesan atas sektor-sektor ekonomi lain. Keberuntungan dari ASEAN-Cina FTA telah mendorong Jepun untuk menubuhkan FTA dengan ASEAN, dan rundingan untuk penubuhan FTA tersebut dijadualkan dalam tahun 2003.

ASEAN-Negara Cina FTA: cabaran ekonomi dari negara Cina

Dari anggaran kesan pembangunan ASEAN-Cina FTA seperti yang telah dinyatakan di atas akan mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak, tetapi perkembangan ekonomi negara Cina yang pesat dan kesan dari penyertaan negara Cina dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebenarnya telah

merungsingkan kerajaan negara-negara anggota ASEAN. Sejak pertengahan tahun 1990an telah pun wujud tren penyimpangan pelaburan langsung asing (FDI) dari negara-negara ASEAN ke negara Cina. Tumpuan FDI dunia kini adalah di negara Cina. Kejatuhan FDI di rantau Asia Tenggara boleh dikaitkan dengan krisis matawang-kewangan yang berlaku sejak tahun 1997. Kesan dari kemerosotan ekonomi dan impak dari kejatuhan ekonomi sejak tahun 1997 telah memberi implikasi ekonomi negatif bukan sahaja kepada negara-negara yang mengalami krisis berkenaan tetapi kepada negara-negara jiran. Singapura contohnya telah mengalami kelembapan ekonomi hasil dari krisis ekonomi yang di alami oleh negara-negara jiran. Banyak industri terutamanya industri elektronik-elektrikal samada telah menutup operasi atau telah memindahkan operasi mereka ke negara Cina. Begitu juga halnya dengan negara Malaysia. Faktor utama penutupan dan perpindahan lokasi operasi syarikat asing ialah kos pengeluaran yang semakin mahal di negara-negara tersebut berbanding dengan kos pengeluaran di negara Cina. Jadual 1 menunjukkan perbandingan kos pengeluaran di negara Cina, negara industri maju terpilih dan negara Asia Tenggara terpilih. Berdasarkan jadual ini kita boleh mengandaikan atau menduga kos-kos pengeluaran di negara-negara Asia Tenggara yang lain. Kos pengeluaran per unit buruh di negara Cina adalah amat rendah berbanding dengan negara-negara lain.

Jadual 1
Perbandingan Antarabangsa Produktiviti Buruh Perkilangan (AS\$/buruh setahun)

N Cina (1998)	A.Syarikat (1995)	Jepun (1993)	Jerman (1994)	Korea S (1994)	Malaysia (1995)	Indonesia (1996)
3,604	98,253	104,075	85,370	57,666	17,135	9,332

Sumber: Shun-ya dan Masaki (2002)

Perkembangan ekonomi negara Cina adalah amat pesat walaupun pada ketika negara-negara Asia Timur yang lain menghadapi dan berusaha mengatasi krisis ekonomi. Pertumbuhan KDNK benar negara Cina sedekad yang lalu (sejak tahun 1990) ialah 10.1 peratus (kadar purata). Ini suatu kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi di dunia. Dalam jangka masa yang sama juga eksport negara Cina telah meningkat tiga kali ganda iaitu dari AS\$62.1 billion dalam tahun 1990 ke AS\$249.2 billion dalam tahun 2000. Ia telah menjadi pengeksport ketujuh terbesar di dunia. Kemasukan FDI ke negara Cina pula telah meningkat lebih dari 10 kali ganda iaitu dari AS\$3.5 billion dalam tahun 1990 ke AS\$35.8 billion dalam tahun 1995 dan

dalam tahun 2000 telah menerima sebanyak AS\$40.77 billion yang bersamaan dengan 29.7% dari jumlah FDI di negara-negara Asia (Jadual 2) (atau 17% dari jumlah FDI ke negara-negara membangun). Dianggarkan Cina akan menarik masuk FDI berjumlah AS\$100 setiap tahun dari tahun 2006-2010 (Business Times, 2003). Kebanyakan FDI di negara Cina lebih bertumpu dalam sektor industri berintensif buruh, ini sehaluan dengan dasar ekonomi kerajaan negara Cina itu sendiri yang mengalakkan FDI dalam sektor tersebut. Mengeksploitasi kos buruh yang murah adalah sebab utama penumpuan FDI dalam sektor industri intensif buruh. Hal ini adalah suatu ciri “universal” mengenai FDI terutamanya di negara-negara membangun. Hasil dari FDI ini maka suatu sistem atau corak pembahagian kerja baru (*international division of labour*) telah dibentuk di negara Cina. Keadaan ini berlaku di mana-mana negara membangun yang menerima FDI termasuk Malaysia.

Perdagangan asing merupakan faktor tolakan utama pembangunan ekonomi di rantau ASEAN dan di negara Cina. Kesan dari pembentukan ASEAN-Cina FTA sudah semestinya ia akan memberi implikasi terhadap pertumbuhan perdagangan kepada negara-negara ASEAN. Kemungkinan jumlah perdagangan ASEAN akan berkurangan hasil dari penyimpangan FDI dari ASEAN ke Cina dan perubahan perletakan lokasi operasi syarikat asing di ASEAN ke Cina. Di sini adanya persaingan di antara ASEAN dengan Cina dalam perdagangan antarabangsa dari aspek (1) penumpuan pasaran, dan (2) persaingan dari segi produk keluaran.

Pertumbuhan perdagangan negara Cina adalah amat pesat sekali seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Dari jadual ini kita mendapati bahawa di samping Jepun, negara Cina adalah penggerak pertumbuhan perdagangan dunia. Peningkatan perdagangan dari negara Cina telah meningkat melebihi 400 peratus sejak tahun 1980. Manakala kenaikan jumlah perdagangan dari ASEAN dari tahun 1980-2000 lebih kurang 80 peratus. Negara Cina adalah pedagang ke tujuh terbesar di dunia dalam tahun 2000 berbanding di tangga 34 dalam tahun 1970an (Drysdale, 2002). Dari segi penguasaan pasaran di peringkat antarabangsa, ASEAN sudah tidak dapat lagi menyaingi negara Cina.

Dalam aspek penumpuan pasaran pula, Amerika Syarikat dan Jepun adalah rakan dagangan utama bagi ASEAN dan Cina. Eksport dari negara Cina ke Amerika

Syarikat dalam tahun 2001 adalah 20 peratus dari jumlah eskportnya, manakala import dari Amerika Syarikat pula adalah 12 dari jumlah import. Eksport dari negara Cina ke Jepun pula dalam tahun 2001 adalah 18 peratus dari jumlah eskport dan import pula ialah 20 peratus dari jumlah import (Nomura, 2002). Untuk kes ASEAN pula, dalam tahun 2000 jumlah perdagangannya dengan negara Amerika Syarikat dan Jepun, masing-masingnya 20 peratus dan 17 peratus. Persaingan dari eksport barang ke pasaran negara maju adalah amat besar kepada ASEAN dan Cina. Untuk kes pasaran Amerika Syarikat, persaingan Jepun dengan Cina adalah 16.3 peratus. Walaupun peratusan ini rendah berbanding dengan negara-negara Asia Timur yang lain tetapi persaingan dengan produk keluaran Cina telah meningkat dalam pasaran Amerika Syarikat (Jadual 4). Indonesia, Thailand, Hong Kong, Malaysia dan Filipina, persaingan produk keluaran dari negara-negara ini dengan negara Cina untuk masuk pasaran Amerika Syarikat adalah amat kompetitif.

Perkembangan ekonomi dan sektor perdagangan negara Cina bukan sahaja telah memberi persaingan kepada negara ASEAN, sebaliknya telah juga meningkatkan hubungan perdagangan di antara kedua-dua belah pihak. Dalam tahun 2000, perdagangan ASEAN-Cina berjumlah AS\$39.5 billion, suatu kenaikan sebanyak 20.4% sejak tahun 1991. Eksport dari negara Cina ke ASEAN dalam tahun 1991 berjumlah AS\$4.1 billion, jumlah ini telah meningkat ke AS\$17.3 billion dalam tahun 2000. Manakala import dari ASEAN telah meningkat dari AS\$3.8 bilion dalam tahun 1991 kepada AS\$22.2 billion dalam tahun 2000. Jadual 5 menunjukkan bentuk intensiti eksport. Eksport dari negara-negara industri baru Asia Timur (NIEs) telah meningkat dengan kadar yang besar terutamanya dalam tahun 1990an, di mana kadar tersebut adalah di antara 4.00-5.60. Ini amat berbeza dengan negara-negara lain. Contohnya, intensiti eksport Jepun-Cina kadarnya antara 1.70-2.00 dalam tahun 1990an, untuk ASEAN pula adalah antara 0.73-0.84. Perubahan dalam intensiti eksport umumnya berkait dengan FDI dari negara-negara tersebut ke negara Cina. Kenaikan FDI diikuti dengan kenaikan dalam import barang pertengahan. Persoalan utama lain dalam hal hubungan perdagangan antara ASEAN dan Cina adalah faedah berbanding. Berasaskan Jadual 6, terdapatnya pertindihan dari segi eksport keluaran dan faedah berbanding. Dengan mengeneipkan SITC 0-5, negara Cina mempunyai faedah berbanding dalam SITC 6 (tekstil) dan produk perkilangan SITC8 (sama dengan Hong kong). Mengikut produk,

dalam tahun 2001, eskport utama Cina ialah tekstil yang mewakili 20 dari jumlah eskport, diikuti dengan peralatan telekom dan komputer sebanyak 14 peratus dan jentera 13 peratus⁸. Manakala negara ASEAN lebih mengkhusus dalam SITC 7 (elektrikal dan elektronik) dan SITC 8. Walaupun ASEAN dikatakan lebih kompetitif dengan negara Cina dalam sektor elektrikalelektronik, tetapi kompetitif ini akan menurun disebabkan FDI ke negara Cina telah meningkat lebih dalam sektor ini.

Dalam pengeluaran dan perdagangan, sektor yang paling kritikal ialah sektor elektronik seperti yang telah dijelaskan di atas. Dalam tahun 2001 negara Cina mengeluarkan telefon mudah-alih sebanyak 12.9 peratus dari jumlah keluaran dunia, mengeluarkan pemain DVD 38.8 peratus dari keluaran dunia, VTRs 23.2 peratus, TV warna 24.6 peratus, penghawa dingin 38.7 peratus dan *hard-disk drive* 6.9 peratus (Atsuo, 2002). Sebagai perbandingan, jumlah keluaran elektrikalelektronik untuk negara Cina dalam tahun 1996 ialah AS\$35 billion, angka ini telah meningkat kepada AS\$50 billion dalm tahun 1999. Manakala untuk kes negara Korea Selatan pula jumlah keluaran elektrikalelektronik dalam tahun 1996 berjumlah AS\$44 billion tetapi telah menurun ke AS\$43 billion dalam tahun 1999; Singapura pula jumlah keluaran untuk sektor itu dalam tahun 1996 ialah AS\$44 billion, juga dalam tahun 1999 keluaran tersebut menurun iaitu kepada AS\$43 billion; dalam kes Malaysia pula jumlah keluaran sektor berkenaan dalam tahun 1996 ialah AS\$30 billion dan telah meningkat kepada AS\$34 billion dalam tahun 1999; dan untuk kes Thailand jumlah keluaran sektor tersebut dalam tahun 1996 adalah berjumlah AS\$14 billion dan juga telah meningkat dalam tahun 1999 iaitu kepada AS\$15 billion. Walaupun untuk kes Malaysia dan Thailand jumlah keluaran elektrikalelektronik telah meningkat dalam tahun 1999, tetapi kenaikan tersebut adalah amat kecil jika dibanding dengan jumlah kenaikan untuk kes negara Cina.

Berasaskan apa yang telah dibincangkan di atas, adakah ASEAN termasuk Malaysia sudah bersedia menghadapi kemungkinan kesan negatif ekonomi dari FTA tersebut. Dari aspek perdagangan sebenarnya ASEAN belum bersedia lagi. Negara-negara di bawah ASEAN amat kluatir lambakan barangan atau produk yang murah dari negara Cina. Jadual 7 menunjukkan import oleh ASEAN dari negara Cina dan

⁸ Produk utama lain ialah peralatan pengangkutan (4%), kasut (4%), produk berasaskan besi/keluli (4%), elektronik dan intergrated circuits (2.3%), plastics (2%) dan barang mainan (2%).

import oleh negara Cina dari ASEAN yang dihubungkan dengan kadar tariff dan kadar bukan berbentuk tariff (NTB). Kawalan tariff atau perlindungan ke atas sektor-sektor tertentu masih tinggi di ASEAN berbanding dengan negara Cina. Perlindungan perdagangan di negara Cina lebih rendah berbanding dengan negara ASEAN. Jika halangan-halangan perlindungan tariff dan NTB dihapuskan atau dikurangkan produk-produk keluaran negara-negara ASEAN akan menghadapi saingan yang hebat dari produk keluaran negara Cina. Dalam rangkakerja ASEAN-Cina FTA, negara Cina harus menurunkan kadar perlindungan dalam jangkamasa sepuluh tahun manakala untuk negara-negara ASEAN jangkamasanya adalah 13-15 tahun supaya negara-negara ASEAN dapat bersedia menghadapi kemungkinan kesan negatif dari FTA tersebut. Secara tidak langsungnya rangkakerja tersebut mengakui bahawa akan berlakunya pengherotan perdagangan di negara ASEAN berbanding dengan negara Cina.

ASEAN-Negara Cina FTA: implikasi ke atas ekonomi Malaysia

Sebahagian besar perkembangan ekonomi negara Cina datangnya dari modal asing. Syarikat asing telah menyumbangkan sebanyak 30 peratus dalam keluaran industri, 50 peratus dalam eksport barang industri dan juga sebahagian besar dari pertambahan perolehan korporat datangnya dari pelaburan asing (lihat Toshio, 2002; Kwan, 2002, Nomura, 2002). Khususnya dalam tahun 1985 sumbangan syarikat asing terhadap perkembangan eksport hanya 1 peratus (dari jumlah eksport), angka ini telah meningkat ke 13 peratus dalam tahun 1990, 32 peratus dalam tahun 1995 dan 48 peratus dalam tahun 2000. Manakala import oleh syarikat asing di negara Cina dalam tahun 1985 ialah 5 peratus dari jumlah import, telah meningkat ke 23 peratus dalam tahun 1990, 48 peratus dalam tahun 1995 dan 52 peratus dalam tahun 2000 (lihat Lardy, 2002:7).

Apa yang cuba diterangkan dari para di atas ialah negara Cina amat bergantung terhadap modal asing untuk perkembangan pengeluaran (sektor industri) dan pertumbuhan eksport. Juga seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, eksport dari negara Cina dalam tahun 1990an lebih bertumpu dalam sektor elektronik-elektrikal, di samping produk perkilangan lain dalam kategori SITC 6, 7 dan 8. Sektor-sektor tersebut merupakan tumpuan utama FDI. Malaysia juga mempunyai persamaan dari

segi struktur pengeluaran dan eksport iaitu penumpuan dalam sektor elektronik (yang keterlaluan) untuk keluaran kasar negara dan eksportnya. Pembangunan sektor industri elektrikalelektronik di Malaysia sebahagian besarnya bergantung terhadap modal asing. Kelihatannya struktur pergantungan adalah agak sama antara Malaysia dengan Cina. Ada bezanya. Pergantungan ekonomi Malaysia terhadap FDI dalam sektor elektrikalelektronik (termasuk pertumbuhan eksport yang bergantung ke atas keluaran elektrikalelektronik) adalah amat tinggi sekali (lihat Mohamed Aslam, 1998).

Perdagangan dua-hala Malaysia-Cina telah meningkat sejak tahun 1970. Bagaimanapun perdagangan tersebut kelihatan berat sebelah dan lebih memihak kepada negara Cina, walaupun ada kemajuan kepada Malaysia dalam tahun 1990an (Jadual 8). Eksport Malaysia ke Cina lebih kepada keluaran bahan mentah, petro-kimia. Manakala import Malaysia dari Cina pula lebih bertumpu dalam produk barang perkilangan yang dari SITC6-8 (lihat Jadual 9A dan 9B). Berasaskan Jadual 8, secara kasarnya boleh dikatakan Malaysia lebih kepada pembekal bahan mentah berbanding menjual barang perkilangan di pasaran negara Cina. Pada negara Cina, memandangkan ekonominya mulai berkembang keperluan bahan mentah dan bahan-api adalah penting dalam menjana perkembangan sektor industri.

Ekonomi Malaysia adalah salah sebuah ekonomi yang amat terbuka di dunia. Keterbukaan ekonomi itu berkait rapat dengan struktur pergantungan negara ke atas modal asing dan pasaran barangan (komoditi) antarabangsa. Sistem ini telah pun ujud sejak zaman penjajahan British lagi. Pembangunan sektor bijih timah dan getah bersumberkan modal asing, begitu juga halnya dengan pembangunan sektor perkilangan terutamanya industri berorientasikan eksport (EOI) (jenis industri utama elektrikalelektronik dan semi-konduktor) juga bersumberkan modal asing. Walaupun ekonomi Malaysia telah mengalami transformasi ekonomi iaitu dari pengeluaran berasaskan bahan mentah ke pengeluaran barang perkilangan tetapi kehadiran modal asing dalam ekonomi Malaysia adalah semakin tinggi sejak pembangunan perkilangan EOI. Jika sebarang gangguan berlaku dalam sistem ini maka ianya secara langsung akan menyebabkan gangguan dalam pertumbuhan KDNK, akaun semasa imbalan pembayaran dan gunatenaga (agihan pendapatan). Kerajaan tidak boleh merombak sistem ekonomi berkenaan, jika

dirombak insidennya adalah terlalu tinggi. Dalam ekonomi dunia yang semakin global, ekonomi Malaysia perlu “hidup sihat” untuk memastikan pembangunan dalam tahun-tahun berikutnya sentiasa mampan. Polisi ekonomi perlu menjurus memastikan pasaran negara harmoni untuk pelaburan asing dan pada masa yang sama meningkatkan ekonomi “mampu diri” untuk mengurangkan impak dari sebarang kejutan luar negeri. Persaingan dari negara Cina mampu memberi kesan ke atas ekonomi negara. Di sini negara bukan sahaja bersaing dengan negara-negara lain terutamanya dari negara Asia Timur untuk mendapat suatu bahagian pasaran di negara Cina tetapi juga bersaing dengan Cina itu sendiri dan negara-negara lain untuk pasaran barang (komoditi) antarabangsa dan modal asing (FDI). Ekonomi dunia akan menjadi lebih kompetitif. Negara seharusnya telah bersedia dari segi pembangunan industri sendiri, penyelidikan dan pembangunan yang berwibawa dan pembangunan sumber manusia yang ekselen.

Rujukan

Atsuo, Kuroda (2002). “*The Rise of China and the Changing Industrial Map of Asia*”, **Journal of Japanese Trade and Industry**, September/October: 14-18.

Business Times (2003). *Foreigners seen to double investment in China*, 3 Januari, Singapura.

Buszynski, Leszek (2001). “*ASEAN and the Future of Southeast Asian Regionalism*”, **The Indonesian Quarterly**, vol. xx1x (3):277-285.

Drysdale, Peter (2002). “*China, the WTO and East Asian Economic Diplomacy*”, dalam **East Asian Trade and Financial Integration. New Issues** (eds) Peter Drysdale dan Kenichi Ishigaki, Asia Pacific Press, Canberra, Australia: 129-143.

Harvie, Charles dan Hyun-Hoon Lee (2002). “*New Regionalism in East Asia. How Does it Relate to the East Asian Economic Development Model?*”, **ASEAN Economic Bulletin**, vol. 19 (2): 123-140.

Iwasaki, Yoshihiro and Brahm Prakash (2002). “*Asian economic cooperation-a review*”, **Journal of Asian Economics**, vol. 13: 319-335.

Kwan, Chi Hung (2002). “*Overcoming Japan’s China Syndrome*”, **Journal of Japanese Trade and Industry**, September/October: 26-29.

Lardy, Nicholas R (2002). **Integrating China into the Global Economy**, Brookings Institution, Washington DC.

Manupipatpong, Worapot (2002). "The ASEAN Surveillance Process and the East Asian Monetary Fund", **ASEAN Economic Bulletin**, vol. 19 (1): 111-122.

Mohamed Aslam (1996). *Kerjasama Perdagangan Serantau ASEAN: Impian dan Realiti*, **JATI**, Bil.2: 101-110.

Mohamed Aslam (1998). **Malaysia: Trade Liberalisation, Dependency and Trading Losses**, Conference on Southeast Asia in the 20th Century, University of Philippines at Diliman, Philippines, 28-31 January.

Nomura-Asian Equity Research (2002). *China's Changing Trade Profile*, 29 July, Nomura International Hong Kong.

Shin-ya, Amano dan Yabuuchi Masaki (2002). "Lights and Shadows in the Chinese Economy", **Journal of Japanese Trade and Industry**, September/ October: 19-25.

Sohn, Byeong Hae (2002). "Regionalization of Trade and Investment in East Asia and Prospects For Further Regional Integration", **Journal of the Asia Pacific Economy**, vol. 7 (2): 160-181.

Suthipand, Chirathivat (2002). "ASEAN-China Free Trade Area:background, implications and future development", **Journal of Asian Economics**, vol. 13: 671-686.

Toshio, Watanabe (2002). "China's Leap Forward and East Asia-Threat Theory and Risk Theory", **Journal of Japanese Trade and Industry**, September /October: 10-13.

Yip, Wei Kiat (2001). "Prospects for Closer Economic Integration in East Asia", **Stanford Journal of East Asian Affairs**, vol. 1 (spring): 106-111.

JADUAL 2
Asia Tenggara (SEA) dan Cina: Kemasukan FDI, 1995-2000 (AS\$'juta)

	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Brunei	13	-69	2	-20	-38	-19
Cambodia	151	294	204	121	135	153
Indonesia	4,346	6,194	4,677	-356	-2,745	-4,550
Laos	95	160	91	46	79	72
Malaysia	5,816	7,296	6,513	2,700	3,532	5,542
Myanmar	277	310	387	314	253	240
Filipina	1,459	1,520	1,249	1,752	737	1,489
Singapore	8,788	10,372	12,967	6,316	7,197	6,390
Thailand	2,004	2,271	3,627	5,143	3,562	2,448
Vietnam	2,336	2,519	2,824	2,254	1,991	2,081
Total SEA	25,285	30,867	32,541	18,270	14,703	13,846
SEA % Negara Asia M'bangun	34.3	34.5	33.0	21.2	15.3	10.1
Cina	35,849	40,180	44,237	43,751	40,319	40,772
Cina % Negara Asia M'bangun	48.7	44.9	44.9	50.9	41.9	29.7

Nota: Negara Membangun Asia merujuk Asia Selatan, Timur dan Asia Tenggara

Sumber: UNCTAD, World Investment Report 2001

JADUAL 4
Persaingan Dengan Negara Cina Untuk Pasaran A.S.

	1990	1995	2000
Jepun	3.0	8.3	16.3
Korea Selatan	24.0	27.1	37.5
Taiwan	26.7	38.7	48.5
Hong Kong	42.5	50.5	55.9
Singapura	14.8	19.2	35.8
Indonesia	85.3	85.5	82.8
Malaysia	37.1	38.9	48.7
Filipina	46.3	47.8	46.1
Thailand	42.2	56.3	65.4

Sumber: Kwan (2002).

JADUAL 5
Intensiti Intra- Eksport Negara Asia Timur

		1969	1978	1983	1988	1993	1996	1997	1998
Cina	Jepun	2.19	2.80	2.94	2.51	2.64	3.06	2.79	2.66
	NIEs	10.98	6.90	4.96	5.51	3.01	2.80	3.00	3.24
	ASEAN	3.85	1.81	1.10	1.31	0.73	0.78	0.84	0.76
Jepun	Cina	4.03	3.64	2.36	1.80	1.71	2.00	1.97	1.78
	NIEs	4.94	3.72	2.44	2.50	2.15	2.22	2.18	2.14
	ASEAN	4.64	3.57	2.89	2.32	2.50	2.88	9.64	2.26
NIEs	China	2.01	0.30	2.37	4.10	4.83	5.30	5.61	5.09
	Jepun	1.73	2.06	1.40	1.85	1.35	1.41	1.31	1.30
	NIEs	2.55	2.03	1.75	1.43	1.42	1.43	1.46	1.42
	ASEAN	7.17	4.42	3.74	2.99	2.32	2.53	2.44	2.71
ASEAN	Cina	1.84	1.03	1.08	1.15	0.82	1.13	1.09	1.06
	Jepun	4.29	4.68	4.55	3.66	2.94	2.67	2.62	2.48
	NIEs	6.57	3.91	3.84	2.81	2.35	2.33	2.31	2.52
	ASEAN	3.20	1.76	1.49	1.72	1.19	1.47	1.52	1.77

Nota: NIEs=Hong Kong, Korea Selatan, Singapura, Taiwan
 ASEAN=Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand
 Indeks eksport intensiti = $(x_{ij}/x_i^*)/(x^*j/x^{**})$, di mana x_{ij} =eksport dari negara i ke negara j,
 x^*j =eksport dunia ke negara j; x_i^* =total eksport negara i; x^{**} =eksport dunia
 Sumber: Sohn (2002).

JADUAL 6
Faedah Berbanding Mengikut Sektor Komoditi untuk Negara Asia Terpilih, 2000

	SITC0	SITC1	SITC2	SITC3	SITC4	SITC5	SITC6	SITC7	SITC8
Cina	0.93	0.56	0.64	0.51	0.77	0.62	1.28	0.61	2.96
Jepun	0.06	0.10	0.20	0.07	0.03	0.77	0.74	1.76	0.74
H Kong	0.26	0.83	0.43	0.15	0.46	0.62	1.11	0.84	3.01
Taiwan	0.25	0.03	0.37	0.04	0.04	0.69	1.29	1.26	0.99
Korea S	0.28	0.09	0.39	0.41	0.04	0.80	1.22	1.15	0.65
Indonesia	0.98	0.47	2.18	3.17	8.23	0.38	1.20	0.22	1.22
Malaysia	0.37	0.32	1.26	1.08	12.87	0.39	0.61	1.45	0.68
Filipina	0.81	0.19	0.51	0.16	5.67	0.16	0.30	0.77	0.75
Singapura	0.27	1.43	0.26	0.94	0.60	0.64	0.37	1.71	0.61
Thailand	2.76	0.33	1.25	0.31	0.26	0.47	0.79	0.98	1.32

Sumber: Xiaojuan (2001).

JADUAL 7A

Kadar Tariff Purata di ASEAN-6 dan Cina, produk utama terpilih (peratusan)

Import ASEAN & Kadar Tariff di N. Cina		Import China & Kadar Tariff di ASEAN	
Buah-buahan & sayur-sayuran	5.0	Buah-buahan & sayur-sayuran	27.4
Arang Batu	9.4	Minyak bijirin	21.4
Makanan	5.0	Produk berasaskan petroleum	8.4
Barangan elektrik	4.8	Beras	112.8
Minuman & tembakau	6.2	Produk kimia, getah & plastik	19.2
Jentera	3.4	Barangan elektrik	16.6
Kadar Purata Tariff	2.3	Kadar Purata Tariff	9.4

Sumber: Chirathivat (2002).

JADUAL 7B

Kadar Purata Halangan Bukan Tariff (NTB) di ASEAN-6 dan Cina, (peratusan)

Import ASEAN dan Kadar NTB di N. Cina		Import Cina dan Kadar NTB di ASEAN	
Produk berasaskan galian	13.6	Produk perhutanan	76.6
Produk berasaskan tenusu	17.0	Produk berasaskan kulit	100.0
Minuman & Tembakau	51.2	Produk berasaskan besi-keluli	83.7
Textiles	7.3	Beras	76.8
Komoditi-komoditi lain	9.6	Komoditi-komoditi lain	96.8
Kadar Purata NTB	9.2	Kadar Purata NTB	69.1

Sumber: Chirathivat (2002).

JADUAL 8

Perdagangan Malaysia-Cina (RM'juta)

Tahun	Eksport	Import	Imbangan
1970	66.2	226.5	-160.3
1975	127.8	356.2	-228.4
1980	472.9	554.0	-81.1
1985	398.7	622.4	-223.7
1986	421.6	728.2	-306.6
1987	702.8	946.3	-243.5
1988	1,089.4	1,266.3	-176.9
1989	1,302.1	1,649.9	-347.8
1990	1,675.1	1,510.6	164.5
1991	1,760.7	2,212.9	-452.2
1992	1,960.9	2,485.0	-524.1
1993	3,093.8	2,821.1	272.7
1994	5,062.8	3,577.4	1,485.4
1995	4,904.4	4,298.3	606.1
1996	4,801.8	4,720.0	81.7
1997	5,257.9	6,254.4	-996.5
1998	7,764.0	7,250.0	514.0
1999	8,808.0	8,125.0	683.0
2000	11,507.0	12,321.0	-814.0
2001	14,520.0	14,457.0	63.0

Sumber: BNM, Quarterly Economic Bulletin & Monthly Statistical Bulletin, pelbagai isu.

JADUAL 3
Rantau Asia Timur: Nisbah Jumlah Perdagangan Negara/Jumlah Perdagangan Dunia

	1980	1985	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Total Dagang Dunia (AS\$'bil)	3751	3850	6899	7128	7639	7516	8567	10208	10676	11102	10921	11478	12991
Bahagian Dlm %													
Asia Utara (termasuk Jepun)	11.48	14.27	15.49	16.55	16.98	18.73	18.64	18.64	18.08	18.01	16.42	16.90	18.45
RR Ciina	1.00	1.81	1.69	1.91	2.19	2.60	2.76	2.75	2.72	2.93	2.97	3.14	4.11
Jepun	7.24	7.99	7.58	7.74	7.50	8.04	7.81	7.63	7.13	6.84	6.13	6.36	6.56
Korea Selatan	1.05	1.59	2.06	2.16	2.10	2.29	2.32	2.56	2.64	2.53	2.07	2.29	2.41
ASEAN	3.49	3.51	4.41	4.87	5.03	5.86	6.31	6.63	6.67	6.51	5.55	5.88	6.18
Cambodia		0.00	0.00	0.00	0.01	0.02	0.02	0.02	0.02	0.02	0.02	0.02	0.03
Indonesia	0.87	0.75	0.69	0.77	0.80	0.87	0.84	0.84	0.87	0.86	0.70	0.75	0.79
Laos		0.00	0.00	0.00	0.00	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
Malaysia	0.63	0.72	0.85	1.00	1.06	1.23	1.38	1.48	1.47	1.42	1.21	1.31	1.44
Myanmar	0.03	0.02	0.02	0.02	0.02	0.03	0.03	0.03	0.03	0.03	0.03	0.03	0.03
Filipina	0.38	0.26	0.31	0.31	0.32	0.38	0.42	0.45	0.49	0.58	0.56	0.58	0.65
Singapura	1.16	1.27	1.65	1.76	1.78	2.12	2.33	2.38	2.40	2.32	1.94	1.97	2.08
Thailand	0.42	0.43	0.82	0.94	0.96	1.11	1.17	1.28	1.21	1.08	0.89	1.00	0.94
Vietnam		0.07	0.08	0.07	0.08	0.09	0.12	0.13	0.17	0.19	0.20	0.21	0.22

Sumber: Iwasaki and Prakash (2002).

JADUAL 9A
Malaysia: Eksport ke Cina mengikut Seksyen Komoditi (RM'bil)

	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Makanan	26.7	26.6	56.2	47.8	59.6	83.5	64.2	93.5	96.4	115.0	104.6	82.7	83.4
Minuman dan Tembakau	-	0.2	0.0	0.1	0.2	0.1	6.8	0.6	10.2	1.3	3.2	4.7	26.6
Bahan Mentah T.Boleh Dimakan	307.4	329.6	381.0	450.0	361.1	537.3	465.0	508.9	449.9	606.6	1,096.5	1,070.8	840.2
Minyak galian, pelicin dll	138.0	266.4	140.7	138.5	218.2	145.2	238.9	262.9	360.3	500.1	796.1	1,261.9	1,122.8
Minyak & lemak binatang & sayur	604.4	800.7	758.8	658.9	807.2	1,984.3	1,884.9	1,316.0	1,740.3	2,407.8	1,451.6	1,293.1	1,479.7
Bahan-bahan Kimia	2.3	35.8	81.5	52.7	53.3	68.0	159.1	208.5	365.5	534.9	644.8	1,053.5	1,532.6
Barang Keluaran Kilang	104.0	131.5	228.4	469.2	1,175.6	1,605.2	1,342.5	1,412.6	1,126.3	1,310.0	1,352.3	1,346.2	1,130.8
Alat Jentera & Alat P'angkutan	85.6	62.4	95.3	116.6	390.3	581.5	654.7	897.6	998.3	2,103.7	3,085.1	4,971.5	7,831.6
Pelbagai Barang Keluaran Kilang	9.8	14.1	12.9	16.4	21.8	42.4	63.1	67.3	78.5	121.3	192.9	319.7	366.6
Pelbagai Barangan	2.8	7.7	5.9	10.8	7.5	15.2	25.1	33.9	31.1	66.4	77.0	103.2	105.5
Total	1,281.0	1,675.2	1,760.7	1,856.0	3,094.7	5,062.8	4,904.4	4,801.8	5,256.7	7,767.1	8,804.2	11,507.3	14,519.8
Perubahan Tahunan (%)		30.8	5.1	5.4	66.7	63.6	-3.1	-2.1	9.5	47.8	13.4	30.7	26.2

Sumber: Jabatan Statistik.

JADUAL 9B
Malaysia: Import dari Cina Mengikut Seksyen Komoditi (RM'bil)

	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Makanan	474.3	394.6	531.7	746.0	878.0	1,014.6	472.8	413.7	951.9	1,120.5	1,546.4	1,777.6	1,361.4
Minuman dan Tembakau	9.8	7.6	11.1	9.2	8.3	6.4	18.3	9.8	24.2	26.8	27.6	26.7	63.2
Bahan Mentah T.Boleh Dimakan	356.1	212.9	384.7	327.9	211.0	250.6	182.7	163.8	206.6	197.6	317.9	393.8	331.8
Minyak galian, pelicin dll	75.1	53.7	61.4	72.6	29.5	28.1	26.9	40.5	57.9	54.6	81.1	103.0	105.9
Minyak & lemak binatang & sayur	3.6	3.7	3.0	4.4	5.9	8.7	4.6	5.6	11.6	15.2	23.2	19.5	21.8
Bahan-bahan Kimia	137.8	149.9	195.6	209.4	252.2	309.8	358.3	430.1	458.5	536.0	684.9	780.5	795.3
Barang Keluaran Kilang	370.7	442.5	601.7	572.8	623.8	869.8	1,533.0	1,467.8	1,519.0	1,045.0	1,297.2	1,624.7	1,644.9
Alat Jentera & Alat P'angkutan	126.0	166.4	307.3	379.1	585.9	781.3	1,199.3	1,677.2	2,448.3	3,662.7	3,322.3	6,333.2	8,761.2
Pelbagai Barang Keluaran Kilang	95.8	88.5	115.1	159.1	186.9	267.0	381.1	378.5	454.2	493.1	681.9	1,051.3	1,031.7
Pelbagai Barangan	0.8	1.4	1.3	1.3	39.5	41.0	121.2	133.3	141.9	110.6	168.5	210.3	339.8
Total	1,650.0	1,521.2	2,212.9	2,481.7	2,821.1	3,577.4	4,298.3	4,720.4	6,274.1	7,262.1	8,150.9	12,320.5	14,456.8
Perubahan Tahunan (%)		-7.8	45.5	12.1	13.7	26.8	20.2	9.8	32.9	15.7	12.2	51.2	17.3

Sumber: Jabatan Statistik